

03 AUG 2000

Bangladesh-Lawat /I

SHEIKH HASINA AKHIRI LAWATAN DUA HARI KE PULAU PERANGINAN

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina hari ini mengakhiri lawatan rasmi dua harinya ke sini selepas melawat beberapa tarikan pelancongan di pulau ini.

Antara yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim dan orang-orang kenamaan tempatan lain.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang merupakan menteri pengiring dan Exco Kedah Rosnah Majid.

Terdahulu, beliau menghadiri taklimat oleh Timbalan Pengurus Besar Lada Puat Mohd Ali mengenai pembangunan Langkawi daripada sebuah perkampungan nelayan kepada destinasi pelancongan utama.

Beliau turut melawat mercu tanda terkenal Langkawi iaitu Dataran Lang di Kuah sebelum meneruskan perjalanan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat untuk berlepas ke Kuala Lumpur.

Malam tadi, beliau menghadiri Tilawah Al-Quran peringkat negeri Kedah di Masjid Aishah di sini.

Semalam, Sheikh Hasina melawat Galeria Perdana in Kilim, yang menempatkan lebih 2,000 cenderahati dan hadiah yang diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sejak beberapa tahun.

Beliau turut meluangkan masa melawat LangkawiiCrystaal Sdn Bhd, pengeksport terkemuka barangan kristal, di Jalan Kisap dan Makam Mahsuri, kubur seorang wanita yang dituduh berzina dan dijatuhkan hukuman bunuh.

-- BERNAMA

NH ABG RHM